

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG (ALOR SETAR)
TARIKH : 18.6.2014
SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [ALOR SETAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah alasan yang diberikan oleh Universiti Antarabangsa Albukhary bagi keputusan awalnya untuk menutup operasi, dan sama ada universiti tersebut dalam pelaksanaan operasinya, pernah gagal memenuhi kehendak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1966.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

University Al-Bukhary (AIU) merupakan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan pada 5 April 2006 di bawah peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Oleh sebab penubuhan AIU mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Akta 555, semestinya bagi tujuan pemberhentian operasinya perlu dan hendaklah mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh Akta 555 – iaitu seperti yang dinyatakan pada Seksyen 59, 60 dan 61 Akta berkenaan.

Keputusan awal Universiti Antarabangsa Al Bukhary untuk menutup operasi adalah bagi menukar '*Business model*' institusi yang berkonsepkan 100% wakaf (tidak berasaskan keuntungan) iaitu '*Full Sponsorship Model – Free Education*' di mana pelajar diberi penajaan penuh meliputi yuran pengajian, yuran penginapan dan kos sara hidup.

Sehubungan itu, Universiti Antarabangsa Albukhary tidak pernah gagal dalam memenuhi keperluan penilaian Akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sepanjang pelaksanaan operasi Universiti Antarabangsa Al Bukhary, institusi terbabit tidak mencatatkan sebarang rekod pelanggaran Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

Walau bagaimanapun, demi menjaga kebajikan semua pihak khususnya pelajar dan kakitangan IPTS, Akta 555 telah mensyaratkan bahawa untuk notis pemakluman pemberhentian operasi sesebuah IPTS hendaklah disampaikan kepada Ketua Pendaftar IPTS sekurang-kurangnya 12 bulan sebelum pemberhentian operasi dilakukan. Akta 555 juga meletakkan syarat bahawa rancangan penempatan semula pelajar ke Institusi yang lain perlu dimaklumkan kepada Ketua Pendaftar IPTS sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum penutupan/pemberhentian operasi IPTS. Oleh yang demikian, disebabkan AIU tidak dapat memenuhi perkara-perkara ini, maka mereka perlu meneruskan operasinya seperti biasa dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah meluluskan permohonan penutupan Universiti Antarabangsa Albukhary (*Albukhary International University*).

Rjm105